

POTENSI FILEM PENDEK KOMERSIAL THAILAND SEBAGAI MEDIUM DAKWAH DALAM PEMBENTUKAN KAREKTER

THE POTENTIAL OF THAI COMMERCIAL SHORT FILMS AS A DA'WAH MEDIUM IN CHARACTER BUILDING

Hazny Saleh¹
Nur Najwa Hanani Abd Rahman²
Mohammad Naqib Hamdan³

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (UTM), Malaysia, (E-mail: hazny.graduate@utm.my)

²Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (UTM), Malaysia, (E-mail: nurnajwahanani@utm.my)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (UTM), Malaysia, (E-mail: mohammadnaqib@utm.my)

Article history

Received date : 23-5-2025

Revised date : 24-5-2025

Accepted date : 18-6-2025

Published date : 30-6-2025

To cite this document:

Saleh, H., Abd Rahman, N. N. H., & Hamdan, M. N. (2025). Potensi filem pendek komersial Thailand sebagai Medium dakwah dalam pembentukan karekter. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 590 - 606.

Abstrak: Artikel ini mengkaji potensi Filem Pendek Komersial Thailand sebagai medium dakwah dalam pembentukan karekter di kalangan pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Peranan filem pendek sebagai medium dakwah kepada golongan muda yang terdedah kepada hiburan visual sangat penting dalam mendidik dan memperkukuh karakter mereka. Pendekatan kualitatif dengan temubual mendalam terhadap lima orang pelajar ASWARA untuk mengkaji bagaimana mereka menggabungkan mesej dakwah dan hiburan dalam filem pendek mereka. Hasil Kajian menunjukkan bahawa filem pendek dapat menyampaikan nilai-nilai Islam seperti kasih sayang, pengorbanan, dan keadilan dengan cara yang mudah difahami dan menarik. Walaupun cabaran timbul dalam menyeimbangkan hiburan dengan mesej agama. Namun, filem pendek terbukti mampu membantu membentuk karakter positif pelajar. Kajian ini mencadangkan penggunaan filem pendek sebagai medium dakwah dengan lebih meluas, terutamanya dalam pembentukan sahsiah generasi muda yang semakin terdedah kepada pengaruh media sosial dan globalisasi.

Kata kunci: Filem Pendek, Dakwah, Pembentukan Karekter, Media Sosial, Akhlak

Abstract: This article explores the potential of Thai commercial short films as a medium of da'wah in shaping character among students of the Faculty of Creative Writing and Film at ASWARA. Short films play a crucial role in educating young audiences exposed to visual entertainment. Using a qualitative approach through in-depth interviews with five ASWARA students, the study examines how da'wah messages are integrated with entertainment in their short films. Findings reveal that short films effectively convey Islamic values such as love, sacrifice, and justice in an engaging and accessible manner. Despite challenges in balancing religious messages with entertainment, the medium proves effective in fostering positive

character development. This study recommends broader use of short films as a tool for da'wah, particularly in reaching younger audiences increasingly influenced by social media and globalization.

Keywords: *Short Films, Da'wah, Character Building, Social Media, Morals.*

Pengenalan

Melangkau era global yang penuh dengan kemodenan dan jaringan komunikasi merentasi sempadan, filem telah muncul sebagai salah satu medium yang paling efektif dan berpengaruh yang bukan sahaja berfungsi sebagai alat hiburan, tetapi juga sebagai medium dakwah yang berupaya menjangkau khalayak ramai dengan cara yang lebih dekat dan menyentuh emosi (Miller & Stam, 2021). Melalui elemen visual, naratif, dan emosi, filem dapat menyampaikan konsep akhlak, nilai keagamaan, dan sentuhan mesej moral yang sukar diungkapkan melalui komunikasi biasa. Kesan filem dalam membentuk dan mempengaruhi pemikiran serta perasaan penonton menjadikannya sebagai sebuah medium yang sesuai untuk mendidik dan menginspirasi seruan nilai-nilai positif. Ini juga selari dengan firman Allah dalam Surah An-Nahl, ayat 125:

“Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik, dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya, Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang tersesat dari jalan-Nya, dan Dialah yang lebih mengetahui siapa yang mendapat petunjuk.”

Ayat ini menunjukkan kepentingan berdakwah dengan cara yang berhikmah dan menggunakan pendekatan yang dapat menarik perhatian serta melembutkan hati insan sebagai sasaran dakwah. Maka, ini adalah sesuatu yang boleh dicapai dengan berkesan melalui filem. Dakwah, sebuah kewajipan yang diwarisi daripada Nabi Muhammad SAW, bukan lagi terbatas kepada khutbah di masjid atau ceramah formal. Pada zaman yang serba moden ini, pendekatan dakwah turut melibatkan penggunaan pelbagai medium komunikasi yang lebih dinamik dan berkesan. Salah satu daripada medium tersebut adalah filem pendek yang mula mencuri perhatian sebagai alat penyebaran mesej, tidak hanya kepada kanak-kanak, tetapi juga kepada seluruh lapisan masyarakat.

Walaupun sering dikaitkan dengan hiburan ringan, potensi filem pendek untuk menyampaikan dakwah dan membentuk karakter insan tidak boleh dipandang sebelah mata. Artikel ini akan membincangkan sejauh mana filem pendek boleh berperanan sebagai saluran dakwah yang berkesan dalam pembentukan karakter insan, khususnya dalam masyarakat yang semakin terdedah kepada pelbagai pengaruh budaya luar.

Potensi Filem dalam Membentuk Karakter

Filem mempunyai potensi besar dalam membentuk karakter penonton melalui elemen naratif dan visual yang mampu meninggalkan kesan mendalam. Berbeza dengan medium lain, filem menggabungkan elemen visual, bunyi, muzik, dan dialog yang secara serentak mampu menyentuh emosi serta pemikiran penonton. Naratif yang terstruktur, watak yang dikembangkan dengan baik, serta konflik dan resolusi yang menarik membolehkan penonton mengalami sebuah perjalanan moral dan emosional yang boleh memberi inspirasi merubah diri.

Menurut kajian Rahman et al. (2023), filem-filem yang mengandungi mesej moral dan agama mampu mempengaruhi psikologi dan pembentukan akhlak penonton secara tidak langsung melalui penghayatan naratif dan identifikasi watak-watak berakhlak dalam filem.

Dalam hal ini, filem yang berasaskan nilai Islam boleh memainkan peranan penting dalam pendidikan akhlak dan pembentukan karakter, terutama bagi generasi muda. Ini adalah selari dengan hadis Nabi Muhammad SAW yang menyebut:

"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia."
(Hadis Riwayat Ahmad)

Hadis ini menunjukkan bahawa misi utama Rasulullah SAW adalah pembentukan akhlak yang mulia, menjadikan penyebaran akhlak sebagai suatu bentuk dakwah yang sangat penting. Filem sebagai medium seni dan teknologi yang boleh digunakan untuk menyempurnakan misi pembangunan insan dengan cara yang kreatif dan berkesan.

Latar Belakang Kajian

Fenomena filem pendek komersial Thailand seperti *Unsung Hero* (2015) menunjukkan betapa kuatnya pengaruhnya dalam membentuk minda dan jiwa penonton. Filem pendek bukan hanya sebuah hiburan, tetapi juga menjadi medium pendidikan yang mempengaruhi sikap, nilai dan tindakan kita. Masyarakat kini semakin bergantung pada media visual untuk menerima mesej, dan filem pendek hadir dengan keupayaan untuk menyampaikan cerita dan ajaran dengan cara yang menyentuh perasaan, lebih-lebih lagi bagi generasi muda yang terdedah kepada dunia maya dan hiburan digital.

Namun, persoalan yang perlu ditangani adalah memanfaatkan potensi filem pendek sebagaimana yang digambarkan dari filem pendek komersial Thai untuk membawa nilai dakwah yang sejati dan lebih realiti bagi membentuk karakter insan yang berlandaskan ajaran Islam yang syumul.

Setiap filem ini menyampaikan mesej tentang nilai kekeluargaan yang mendalam, seperti kasih sayang tanpa syarat dalam *Life Is Beautiful* dan *Forget Me Not*, yang menggambarkan pengorbanan ibu bapa terhadap anak-anak mereka. Manakala, dalam filem *Unsung Hero*, penonton diajak untuk merenung semula makna kebaikan tanpa mengharapkan balasan, sementara *Homeless* menekankan pentingnya empati dan tidak menilai seseorang berdasarkan status luaran mereka. Kesemua filem ini menggunakan pendekatan yang menyentuh emosi penonton, memberikan pengajaran moral dan membentuk pandangan positif terhadap kehidupan (Siti & Hamid, 2020).

Melalui penggunaan elemen naratif yang kuat dan karakter yang mudah diterima, filem-filem ini memberi inspirasi kepada penonton untuk lebih menghargai hubungan sesama manusia, terutamanya dalam konteks keluarga dan masyarakat. Mesej tentang ketabahan dan semangat juang dalam *You Can Shine* dan *Pineapple Ice Cream* menunjukkan bahawa kejayaan sebenar datang daripada usaha dan pengorbanan yang tulus, bukan hanya dari segi material atau status sosial.

Nilai-nilai ini bukan sahaja sesuai untuk masyarakat Thailand, tetapi juga relevan dalam konteks global, terutamanya dalam membina masyarakat yang lebih empati dan saling menyokong yang sangat kena dengan budaya masyarakat Asia. Oleh itu, filem-filem ini

membuktikan bahawa medium filem pendek komersial dapat digunakan untuk menyebarkan dakwah secara halus, menjadikan ia relevan dan berkesan dalam dunia moden (Rahman, 2021).

Jadual 1 dibawah merupakan senarai filem pendek komersial dari Thailand seperti *Life Is Beautiful*, *Unsung Hero*, *Pineapple Ice Cream*, *Homeless*, *Forget Me Not*, dan *You Can Shine* menawarkan pendekatan moden yang mengandungi elemen dakwah yang menyentuh nilai-nilai kemanusiaan, kasih sayang, dan pengorbanan yang merupakan tema penting dalam dakwah kontemporari.

Jadual 1 Elemen Dakwah dalam Filem Pendek Komersial dari Thailand

No.	Tajuk Filem	Sinopsis	Elemen Dakwah
1.	<i>Life Is Beautiful</i>	Kisah seorang anak lelaki yang tidak memahami pengorbanan bapanya, sehingga akhirnya dewasa dan menyedari kasih sayang serta pengorbanan bapanya yang tidak kelihatan pada awalnya.	Mesej kasih sayang tanpa syarat antara ibu bapa dan anak, serta pentingnya menghargai pengorbanan keluarga.
2.	<i>Unsung Hero</i>	Mengisahkan seorang lelaki yang melakukan kebaikan kecil tanpa mengharapkan balasan, seperti memberi makan kepada anjing jalanan dan membantu orang tua.	Mempromosikan nilai kebaikan tanpa mengharapkan balasan, serta memberi inspirasi untuk berbuat baik dengan ikhlas.
3.	<i>Pineapple Ice Cream</i>	Seorang ibu yang bekerja keras menjual ais nenas untuk menyara anaknya. Dengan pengorbanannya, anaknya akhirnya memahami betapa besar kasih sayang ibunya.	Tema pengorbanan ibu bapa dan kasih sayang keluarga, mengajarkan nilai kekeluargaan dan kerja keras.
4.	<i>Homeless</i>	Seorang lelaki gelandangan yang dilihat sebagai gangguan oleh pemilik kedai, namun sebenarnya dia sentiasa menjaga kedai dan memastikan keselamatan kawasan tersebut.	Menekankan nilai empati dan tidak menilai seseorang berdasarkan luaran, serta menghargai peranan orang lain.
5.	<i>Forget Me Not</i>	Mengisahkan seorang isteri tua yang menderita demensia, tetapi suaminya tetap setia menyayangnya, meskipun dia tidak lagi mengenali suaminya.	Kasih sayang yang tidak bergantung pada ingatan, serta pentingnya kesabaran dan komitmen dalam hubungan kekeluargaan.
6.	<i>You Can Shine</i>	Kisah seorang gadis bisu yang menghadapi cabaran untuk menjadi pemain biola, namun dengan semangat juang dan ketabahan, dia akhirnya berjaya membuktikan kemampuannya.	Mengajarkan tentang kekuatan dalaman, ketabahan, dan keyakinan diri dalam mengatasi rintangan hidup.

Kerangka teori

Kajian ini dibina atas kerangka teori yang menggabungkan pendekatan psikologi Barat dan warisan keilmuan Islam bagi memahami kesan filem pendek sebagai medium dakwah yang membentuk karakter insan. Dua teori utama telah dikenal pasti sebagai asas kepada kajian ini, iaitu **Teori Pembelajaran Sosial Bandura** dan **Model Akhlak Terpuji Al-Ghazali**.

Gabungan kedua-dua teori ini memberikan rangka konseptual yang kukuh untuk menganalisis bagaimana filem pendek dapat menyampaikan nilai dakwah secara berkesan.



Rajah 1 Kerangka Teori Kajian

Teori Bandura menjelaskan bahawa manusia belajar melalui pemerhatian dan peniruan, terutama apabila terdedah kepada media visual seperti filem pendek. Oleh itu, apabila pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA menghasilkan filem yang mengandungi watak dan naratif berteraskan nilai Islam, penonton berpotensi meniru tingkah laku positif tersebut. Teori ini menyokong objektif pertama kajian iaitu menganalisis potensi filem pendek sebagai alat pembentukan sahsiah. Dalam masa yang sama, teori ini juga membantu menjelaskan cabaran pelajar dalam mengekalkan minat penonton melalui elemen hiburan sambil menyampaikan mesej dakwah yang berkesan.

Sementara itu, Model Akhlak Terpuji Al-Ghazali memberikan panduan nilai dan etika yang menjadi teras kepada kandungan dakwah dalam filem pendek. Nilai-nilai seperti kesederhanaan, kasih sayang dan kejujuran bukan sahaja membentuk karakter insan tetapi juga menjadi panduan kepada pelajar dalam mengolah naratif yang seimbang antara estetika dan mesej spiritual.

Teori Bandura membimbing perumusan soalan yang menilai pengaruh media visual terhadap tingkah laku, manakala Model Akhlak Al-Ghazali membantu menggubal soalan yang menilai penerapan nilai moral Islam dalam naratif filem pendek. Dalam analisis, Bandura digunakan untuk meneliti kesan watak dan visual sebagai model sosial yang berpengaruh, manakala Al-Ghazali membolehkan dapatan dikategorikan mengikut nilai-nilai akhlak seperti ikhlas, sabar dan amanah. Secara keseluruhan, kedua-dua teori ini menjadi kerangka konseptual yang memastikan persoalan kajian dijawab secara sistematik dan berpanduan nilai.

Potensi filem pendek sebagai medium dakwah dalam pembentukan karakter insan dalam kajian ini diintegrasikan oleh dua teori utama yang perlu untuk memberikan dokongan yang lebih mendalam dalam kajian. Pertama, Teori Peniruan Bandura menyatakan bahawa individu cenderung untuk meniru tingkah laku yang mereka lihat, terutama dalam konteks media visual seperti filem pendek. Bandura (1977) dalam teorinya tentang pembelajaran sosial berpendapat bahawa manusia belajar bukan sahaja melalui pengalaman peribadi tetapi juga dengan mengamati tingkah laku orang lain dan mengimitasi tindakan mereka. Dalam konteks filem pendek, penonton terutamanya golongan muda akan lebih mudah meniru karakter atau nilai yang ditonjolkan dalam naratif filem.

Oleh itu, filem pendek yang mengandungi nilai-nilai moral yang kuat dan positif berpotensi untuk membentuk perilaku dan karakter individu dengan lebih positif secara langsung. Ini kerana filem pendek berfungsi sebagai cermin sosial yang memberi kesan terhadap pembentukan karakter penonton. Ianya selari dengan apa yang dikatakan oleh Bandura bahawa media visual dapat mempengaruhi persepsi dan tingkah laku melalui proses peniruan dan dalam kajian ini teori tersebut diintegrasikan dengan nilai-nilai akhlak Al-Ghazali yang berfungsi dengan sangat berkesan dalam membentuk perwatakan manusia, khususnya dalam masyarakat yang semakin terpengaruh dengan budaya luar.

Jurang Kajian Terdahulu

Terdapat banyak kajian-kajian yang sedia ada memberi tumpuan kepada penggunaan filem pendek dalam dakwah dan pendidikan Islam, namun masih terdapat beberapa jurang yang perlu diisi. Sebahagian kajian terdahulu lebih menumpukan perhatian kepada hiburan kanak-kanak dan tidak banyak memberi tumpuan kepada potensi filem pendek dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat umum. Lebih-lebih lagi, terdapat kekurangan kajian yang mendalam bagaimana filem pendek dapat menggabungkan naratif Islam yang mendalam dengan unsur hiburan yang menarik serta bagaimana mesej dakwah dapat disampaikan secara halus tanpa mengorbankan unsur seni filem itu sendiri.

Jadual 2 Kajian Terdahulu - Penggunaan dan Pengaruh Filem Pendek

Kajian Terdahulu	Fokus Kajian	Jurang dalam Kajian
Kamarudin & Ismail (2021)	Penggunaan filem pendek dalam dakwah untuk menyampaikan nilai moral positif.	Kajian ini tidak meneliti secara mendalam bagaimana nilai Islamik dapat disampaikan dalam naratif filem pendek. Fokus lebih kepada potensi umum filem pendek dalam dakwah tanpa penekanan pada ajaran Islam.
Rahman (2020)	Pengaruh media visual, termasuk filem pendek, dalam pembentukan identiti golongan muda.	Kajian ini tertumpu kepada pengaruh media Barat dan tidak memberi perhatian khusus kepada filem pendek yang berasaskan nilai Islam untuk pembentukan karakter insan.
Abdullah (2022)	Penggunaan filem pendek dalam pendidikan Islam, terutamanya untuk kanak-kanak.	Kajian ini hanya memfokuskan pada filem pendek dalam pendidikan formal dan tidak meluaskan perbincangan mengenai peranan filem pendek dalam dakwah untuk masyarakat umum atau golongan dewasa.

Kajian oleh Kamarudin & Ismail (2021) menekankan potensi filem pendek dalam dakwah untuk menyampaikan nilai-nilai moral yang positif, tetapi tidak mengupas dengan mendalam bagaimana nilai-nilai Islam sebenar boleh diterjemahkan dalam naratif filem pendek. Rahman (2020) pula melihat bagaimana media visual memberi pengaruh kepada pembentukan identiti golongan muda, namun fokus kajian ini lebih kepada pengaruh media Barat, tanpa memberi perhatian khusus kepada filem pendek yang berteraskan nilai-nilai Islam.

Sementara itu, Abdullah (2022) berbincang tentang penggunaan pendek dalam pendidikan Islam untuk kanak-kanak, tetapi kajian ini tidak memperluas perbincangan kepada bagaimana filem pendek boleh diterima dan memberi impak kepada masyarakat dewasa atau golongan yang lebih luas. Dengan itu, ketiga-tiga kajian ini menunjukkan bahawa masih ada ruang yang besar untuk menyelidik bagaimana filem pendek berteraskan nilai Islam dapat digunakan sebagai alat dakwah yang berkesan dalam membentuk karakter insan secara keseluruhan dalam dunia moden ini.

Walaupun kajian tentang dakwah melalui media digital telah berkembang pesat, terdapat jurang yang jelas dalam penyelidikan tentang penggunaan filem pendek sebagai medium dakwah, terutamanya dalam konteks filem pendek komersial. Kajian Salsabilah et al. (2025) menunjukkan bahawa dakwah digital berpotensi besar dalam membentuk identiti Islam di kalangan golongan muda, namun, masih terdapat kekurangan kajian yang secara khusus mengkaji kesan dakwah melalui filem pendek. Dalam hal ini, kajian lanjut yang lebih mendalam diperlukan untuk meneroka potensi filem pendek sebagai medium dakwah yang bukan sahaja efektif, tetapi juga kreatif, agar dapat menjawab cabaran dakwah di era digital yang semakin berkembang ini (Wahyu Ilahi et al., 2018).

Penyataan Masalah

Walaupun filem pendek kini diiktiraf sebagai medium yang berpengaruh dalam membentuk persepsi, nilai dan tingkah laku, terutamanya dalam kalangan Generasi Z, masih terdapat kekurangan kajian yang secara khusus menilai bagaimana pelajar penggiat seni Islam menggabungkan nilai-nilai dakwah dalam penghasilan karya mereka. Kajian sedia ada banyak menumpukan kepada potensi umum media digital dalam menyampaikan mesej Islam (Kamarudin & Ismail, 2021; Rahman, 2020), namun tidak memberikan perhatian khusus kepada strategi naratif, pendekatan estetik, dan integrasi nilai dakwah dalam konteks penghasilan filem pendek oleh golongan pelajar atau pengkarya muda Muslim.

Berdasarkan statistik terkini, penggunaan video pendek di platform seperti **TikTok**, **Instagram Reels**, dan **YouTube Shorts** menunjukkan potensi besar dalam menyampaikan mesej dakwah kepada **Generasi Z**, yang semakin terdedah kepada media sosial dan hiburan visual. TikTok, dengan 48% pengguna melaporkan penggunaan harian dan purata masa tontonan selama **86 minit**, jelas mendominasi kalangan platform video pendek, diikuti oleh Instagram Reels (40%) dengan tontonan harian selama **53 minit**.

Ini menunjukkan medium ini berpotensi dalam mempengaruhi tingkah laku dan pemikiran generasi muda. Tambahan pula, 57% pengguna TikTok mengakui bahawa video pendek mempengaruhi keputusan pembelian mereka yang menandakan bahawa pendekatan dakwah melalui video pendek dapat digunakan untuk menyampaikan nilai-nilai agama dengan cara yang menarik dan relevan, terutama dengan menggunakan elemen-elemen kreatif dan naratif yang sesuai dengan minat mereka.

Oleh itu, berdasarkan statistik ini, dapat disimpulkan bahawa video pendek di platform-platform ini boleh menjadi alat yang efektif dalam menyampaikan mesej dakwah dan membentuk kesedaran agama di kalangan generasi muda, sambil tetap menjaga elemen hiburan yang diperlukan untuk menarik perhatian mereka.

Jadual 3 Statistik Penggunaan Video Pendek oleh Generasi Z di Platform Media Sosial

Statistik	Platform	Peratus Pengguna Generasi Z
Penggunaan Harian	TikTok	48%
	Instagram Reels	40%
	YouTube Shorts	35%
Durasi Menonton Harian	TikTok	86 minit
	Instagram Reels	53 minit
	YouTube Shorts	Data tidak spesifik
Peratusan Pengguna yang Menonton Video Pendek	TikTok	58%
	Instagram Reels	24%
	YouTube Shorts	Data tidak spesifik
Kesan terhadap Keputusan Pembelian	TikTok	57%
	YouTube Shorts	Data tidak spesifik

(Sumber: NuVoodoo, 2025; eMarketer, 2024; Vidico, 2024; Rejeki et al., 2024)

Jadual 4 Cabaran Dalam Menjadikan Filem Pendek Sebagai Medium Dakwah

No.	Cabaran	Penjelasan
1.	Menyeimbangkan Mesej Dakwah dengan Hiburan	Menyampaikan mesej dakwah yang mendalam sambil memastikan filem tetap menarik dan menghiburkan agar penonton tidak merasa terbeban.
2.	Ketepatan Mesej Agama	Memastikan mesej dakwah yang disampaikan sesuai dengan ajaran Islam dan tidak mencetuskan kontroversi atau salah faham di kalangan penonton.
3.	Kesesuaian dengan Penonton Pelbagai Latar Belakang	Menyesuaikan pendekatan dakwah agar relevan dengan pelbagai latar belakang sosial, budaya, dan agama penonton.
4.	Respons Masyarakat Terhadap Dakwah	Memahami bahawa respons terhadap dakwah melalui filem pendek berbeza-beza mengikut persepsi dan kepercayaan budaya penonton, yang mungkin menanggapi mesej dakwah dengan cara yang berlainan.
5.	Mengelakkan Penyampaian yang Terlalu Menghakimi	Mengelakkan pendekatan yang boleh dilihat sebagai menghakimi atau memaksa penerimaan mesej dakwah oleh penonton.
6.	Penggunaan Simbolisme dan Metafora yang Tepat	Menggunakan simbolisme dan metafora dengan bijak agar mesej dakwah dapat diterima tanpa salah faham atau penyimpangan dalam tafsiran.
7.	Menjaga Keseimbangan kreativiti & Agama	Memastikan kreativiti dalam penyampaian cerita tidak mengorbankan nilai-nilai agama yang ingin disampaikan, supaya mesej tetap jelas dan tidak kabur.

Manakala, Jadual 3 menggambarkan beberapa cabaran utama dalam menjadikan filem pendek sebagai medium dakwah yang efektif. Salah satu cabaran terbesar adalah menyeimbangkan mesej dakwah dengan elemen hiburan, di mana penyampaian mesej yang mendalam perlu tetap menarik dan menghiburkan agar tidak membebankan penonton (Al-Qudah, 2021). Selain itu, ketepatan mesej agama menjadi keutamaan untuk memastikan dakwah yang disampaikan tidak bertentangan dengan ajaran Islam dan tidak mencetuskan salah faham di kalangan penonton. Kesesuaian dengan penonton pelbagai latar belakang sosial, budaya, dan agama juga menjadi cabaran yang memerlukan pendekatan yang lebih inklusif agar mesej dakwah tetap relevan (Kamil & Ahmad, 2019).

Tindak-balas masyarakat terhadap dakwah melalui filem pendek berbeza-beza mengikut persepsi budaya, yang menambah cabaran dalam memahami bagaimana dakwah diterima di kalangan pelbagai lapisan masyarakat. Selain itu, pendekatan dakwah perlu mengelakkan penyampaian yang terlampau menghakimi, agar penonton tidak merasa tertekan atau dipaksa menerima mesej tersebut. Penggunaan simbolisme dan metafora dalam penyampaian mesej juga perlu dilakukan dengan berhati-hati untuk mengelakkan salah tafsiran, sementara menjaga keseimbangan antara kreativiti dan nilai agama adalah penting untuk memastikan mesej dakwah disampaikan dengan jelas tanpa mengorbankan prinsip agama (Sulaiman, 2020).

Justeru itu, keperluan untuk mengangkat isu ini semakin penting kerana potensi dan cabaran yang dihadapi oleh generasi muda dalam memahami dan mengamalkan nilai-nilai murni Islam dalam dunia yang penuh dengan cabaran globalisasi. Justeru, wujud keperluan mendesak untuk meneroka bagaimana pelajar penggiat seni Islam merancang, membentuk, dan menyampaikan mesej dakwah melalui filem pendek dalam landskap digital semasa. Dalam keadaan seperti ini, dakwah melalui filem pendek bukan sahaja penting, malah menjadi langkah strategik untuk membentuk pemikiran dan perasaan yang positif dalam diri individu, tanpa menjejaskan kesenian yang ada dalam filem tersebut (Rahman, 2020).

Objektif Kajian:

1. Menganalisis potensi filem pendek sebagai medium dakwah dalam membentuk karakter insan di kalangan pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA.
2. Menyelidik cabaran yang dihadapi oleh pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA dalam mengimbangi mesej dakwah dengan elemen hiburan dalam penghasilan filem pendek.

Soalan Kajian:

1. Bagaimanakah pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA menggunakan filem pendek untuk menyampaikan mesej dakwah kepada generasi muda?
2. Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menghasilkan filem pendek yang menggabungkan mesej dakwah dengan elemen hiburan yang menarik?

Jadual 5: Objektif dan Persoalan Kajian

No.	Objektif Kajian	Persoalan Kajian
1.	Menganalisis potensi filem pendek sebagai medium dakwah dalam membentuk karakter insan di kalangan pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA.	Bagaimanakah pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA menggunakan filem pendek untuk menyampaikan mesej dakwah kepada generasi muda?
2.	Menyelidik cabaran yang dihadapi oleh pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA dalam mengimbangi mesej dakwah dengan elemen hiburan dalam penghasilan filem pendek.	Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menghasilkan filem pendek yang menggabungkan mesej dakwah dengan elemen hiburan yang menarik?

Metodologi

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi meneliti potensi filem pendek sebagai medium dakwah dalam pembentukan karakter insan. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memahami secara mendalam fenomena sosial dan budaya yang berkaitan dengan nilai moral dan agama. Kajian memberi tumpuan kepada pengalaman dan pandangan pelajar dalam menyampaikan mesej dakwah melalui naratif visual. Data diperoleh melalui temu bual mendalam secara semi-terstruktur dengan informan terpilih. Kaedah ini membolehkan pengumpulan maklumat yang lebih mendalam, subjektif, dan kontekstual.

Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan kualitatif dengan menggunakan kaedah temubual membolehkan penyelidik mendalami makna dan pengalaman yang lebih mendalam mengenai bagaimana dakwah dapat disampaikan melalui filem pendek, terutamanya dalam menghadapi cabaran globalisasi dan pengaruh media sosial terhadap generasi muda. Seperti yang dinyatakan oleh Creswell (2014), pendekatan kualitatif sangat sesuai untuk kajian yang melibatkan proses penerimaan nilai dan pandangan yang kompleks dan subjektif dalam masyarakat.

Persampelan

Dalam kajian ini, pelajar-pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA dipilih sebagai informan utama kerana mereka adalah individu yang terlatih dalam pembuatan filem dan seni kreatif, dengan pemahaman yang mendalam mengenai pembentukan naratif, pembuatan skrip, dan penghasilan filem pendek. Mereka di **temubual secara mendalam** sebagai informan yang terdiri daripada pelajar-pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA, 2 orang pelajar yang pernah menjadi pengarah filem pendek dan 3 orang Pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem dan di Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan Malaysia. Sebagai golongan muda yang terdedah kepada media sosial dan platform digital, mereka juga lebih memahami bagaimana mesej dakwah dapat disampaikan melalui platform-platform moden yang digunakan oleh generasi muda, seperti TikTok dan YouTube Shorts.

Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dalam kajian ini dilakukan melalui **temubual mendalam** dengan informan yang terdiri daripada pelajar-pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA. **Temubual mendalam** dengan 5 orang Pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem dan di Akademi Seni dan Warisan Kebangsaan Malaysia (ASWARA) dijalankan untuk mendapatkan maklumat dan pandangan langsung tentang potensi dan cabaran yang mereka hadapi dalam menyampaikan mesej dakwah melalui filem filem pendek.


Temubual ini dilakukan secara semi-terstruktur untuk memberi kebebasan kepada informan berkongsi pengalaman dan pandangan mereka, sambil memastikan isu-isu utama yang berkaitan dengan dakwah dan filem pendek dapat dibincangkan dengan lebih mendalam. Data yang diperoleh melalui temubual ini memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh tentang bagaimana penggiat seni dan pengarah dari kalangan pelajar berusaha mengimbangi antara kreativiti, hiburan, dan mesej dakwah dalam karya filem mereka.

Jadual 6: Senarai Informen Kajian

No.	Nama (bukan nama sebenar)	Umur/ Jantina	Peranan/Jawatan	Latar Belakang
1.	Afiq Hakim	21/L	Pengarah Filem Pendek	Pengarah filem pendek yang aktif menghasilkan karya dengan tema sosial dan dakwah.
2.	Sarah Nabilah	23/P	Pengarah Filem Pendek	Pengarah filem pendek yang berfokus pada integrasi nilai moral dan keagamaan dalam penceritaan visual.
3.	Amirul Ashraf	20/L	Pelajar Fakulti Penulisan Kreatif & Filem	Pelajar ASWARA yang mempelajari teknik penulisan skrip dan penceritaan dalam filem pendek.
4.	Ahmad Rafique	22/L	Pelajar Fakulti Penulisan Kreatif & Filem	Pelajar ASWARA yang tertarik dengan penggunaan filem sebagai medium untuk menyampaikan nilai dakwah.
5.	Zakiuddin Shah	20/L	Pelajar Fakulti Penulisan Kreatif & Filem	Pelajar ASWARA yang mengkhususkan dalam aspek visual dan sinematografi dalam filem pendek.


Teknik Analisis Data

Data yang diperoleh daripada temu bual mendalam dianalisis menggunakan pendekatan analisis tematik seperti yang disarankan oleh Braun dan Clarke (2006). Proses ini merangkumi beberapa peringkat seperti yang di tunjukan dalam Rajah 1 di bawah iaitu: (1) pembacaan transkrip secara menyeluruh bagi memahami konteks, (2) pengkodan awal untuk mengenal pasti pola penting, (3) pengelompokan kod kepada tema-tema utama berdasarkan persoalan kajian, dan (4) semakan dan penamaan tema untuk memastikan kesesuaian serta kebolehfahaman dapatan.



Rajah 2: Teknik Analisis Data Tematik

Dalam memastikan kesahan (validiti) kajian, kebolehpercayaan (reliabiliti) dipertingkatkan dengan melakukan member checking, di mana beberapa informan diberi peluang untuk menyemak semula isi transkrip dan interpretasi awal bagi memastikan ketepatan maklumat dan konteks maksud. Selain itu, catatan reflektif penyelidik turut digunakan untuk mengelakkan bias peribadi serta memantau konsistensi dalam proses interpretasi data serta dirujuk kepada maklumbalas pakar bidang dakwah dan filem untuk validasi penemuan. Teknik ini membantu menambah ketelitian dan keabsahan dapatan kualitatif yang bersifat subjektif tetapi kontekstual.



Rajah 3: Proses Validasi Data

Selain itu, pendekatan ini memberi ruang untuk mengeksplorasi pandangan dan pengalaman informan yang sukar diperoleh melalui kaedah kuantitatif (Patton, 2015). Kaedah kualitatif, khususnya **temubual mendalam**, adalah yang paling sesuai untuk kajian ini kerana membolehkan penyelidik menggali makna yang lebih mendalam tentang mesej dakwah yang disampaikan dalam filem pendek. Kaedah ini membolehkan penyelidik untuk memahami bukan sahaja apa yang disampaikan dalam filem, tetapi juga bagaimana dan mengapa mesej tersebut diterima atau ditafsirkan oleh penonton, terutamanya dalam konteks sosial dan budaya yang berbeza.

Oleh yang demikian, pendekatan ini dianggap paling sesuai untuk mencapai tujuan kajian ini, iaitu untuk menilai potensi filem pendek sebagai medium dakwah yang dapat membentuk karakter insan dalam dunia yang penuh dengan cabaran globalisasi dan pengaruh media massa dalam konteks pelajar ASWARA dalam bidang seni visual naratif.

Hasil Kajian

Persoalan 1: Bagaimanakah pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA menggunakan filem pendek untuk menyampaikan mesej dakwah kepada generasi muda?

Berdasarkan temubual yang dijalankan dengan pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA, mereka menggunakan filem pendek sebagai medium dakwah dengan cara yang kreatif dan relevan dengan kehidupan mereka. Sebagai pelajar yang terlatih dalam bidang

penulisan kreatif dan pembikinan filem, mereka lebih menekankan penggunaan **naratif yang kuat, karakter yang boleh diterima** oleh penonton muda, dan **penceritaan yang menyentuh emosi** untuk menyampaikan mesej dakwah secara berkesan.

Sebahagian besar pelajar yang ditemubual menyatakan bahawa filem pendek menawarkan **kebebasan kreativiti** untuk meneroka tema-tema seperti **kasih sayang, pengorbanan, keadilan, dan empati** yang merupakan nilai-nilai utama dalam dakwah Islam. Mereka berusaha **menggabungkan elemen hiburan** dengan mesej dakwah yang mendalam, menjadikan **lebih mudah diterima** oleh penonton muda yang mungkin lebih cenderung kepada hiburan digital dan video pendek.

Menurut seorang pelajar yang pernah menjadi Pengarah filem pendek,

"...sebagai pengarah muda ceruta-cerita lawak dan ada juga yang suka cerita seram, cerita kehidupan reliti atau kisah-kisah yang dekat dengan pengalaman harian generasi muda lah.. cerita macam ni boleh bawa mesej dakwah.. boleh sampai cara semulajadi, tak da paksaan."

(Afiq Hakim, 21)

Mereka juga mengakui bahawa **media sosial dan platform digital** seperti TikTok dan YouTube Shorts memainkan peranan besar dalam memastikan filem pendek ini sampai kepada audiens yang lebih luas. Seorang pengarah filem pendek yang sering buat live di platform TikTok pula menambah,

*"Platform seperti TikTok bagi peluang **direct** dengan penonton. Saya dapat tengok macam mana penonton berinteraksi dengan apa yang di sampaikan dan ini membantu saya sesuaikan dan baiki lagi content saya agar lebih menarik dan berkesan."*

(Sarah Nabilah, 23)

Pelajar-pelajar ASWARA juga berpendapat bahawa **mesej dakwah** yang disampaikan **tidak boleh terlalu berat kerana bukan pakar dalam bidang tersebut**, tetapi lebih kepada **pendekatan yang menyentuh perasaan**. Filem pendek dianggap sebagai saluran yang sangat efektif kerana kemampuannya menyampaikan mesej agama dengan cara yang lebih visual dan emosional serta sesuai dengan **keperluan generasi muda** yang lebih cenderung mengakses maklumat secara visual dan ringkas.

Persoalan 2: Apakah cabaran yang dihadapi oleh pelajar dalam menghasilkan filem pendek yang menggabungkan mesej dakwah dengan elemen hiburan yang menarik?

Pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA menghadapi pelbagai cabaran utama dalam menghasilkan filem pendek yang menggabungkan mesej dakwah dengan elemen hiburan yang menarik. Salah satu cabaran terbesar adalah menyeimbangkan antara mesej dakwah dan elemen hiburan yang dapat menarik perhatian penonton muda. Sebagaimana yang dinyatakan oleh seorang pelajar,

"Minat nak buat filem dakwah ni tapi tak pandai, lagi pun..budak-budak muda, dia orang lebih suka hiburan yang ringan-ringan, santai-santai. Jadi kena berhati-hati la.. supaya mesej baik tu tetap sampai, tapi tak hilang daya tarik hiburan. Kalau filem terlalu serius, nanti penonton pun tak berminat, kan?"

(Amirul Ashraf, 20)

Pendapat tersebut menjelaskan bahawa sebagai pelajar perfileman, mereka ingin menyampaikan mesej yang kuat, tetapi tidak mahu filem mereka terasa terlalu berat atau memaksa, kerana hal itu boleh menjauhkan penonton, khususnya generasi muda yang lebih cenderung kepada hiburan yang ringan dan santai.

Cabaran lain yang dihadapi oleh pelajar adalah mengelakkan *klise* dalam penyampaian dakwah. Mereka menyedari bahawa jika mesej dakwah disampaikan dengan cara yang biasa, filem tersebut boleh kehilangan kesegaran dan impaknya. Untuk itu, mereka perlu mencari pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif dalam menyampaikan nilai-nilai agama, sambil memastikan bahawa mesej tersebut tetap mudah difahami oleh penonton. Menjaga ketepatan mesej agama juga merupakan cabaran yang penting. Menggabungkan hiburan dengan dakwah memerlukan mereka untuk berhati-hati agar nilai-nilai agama tidak diselewengkan untuk tujuan hiburan semata-mata, kerana ini boleh merosakkan kredibiliti mesej dakwah itu sendiri. Seperti yang dinyatakan oleh seorang pelajar,

"... kena pastikan mesej yang nak sampaikan melalui filem tu kena betul dengan ajaran Islam, tak boleh sesuka hati. Kalau tak, nanti boleh timbul masalah, orang jadi salah faham.. nak bawa dakwah, kena jaga supaya tak terpesong dari ajaran yang sebenar.

(Ahmad Rafique, 22)

Selain itu, pelajar juga perlu memastikan bahawa filem pendek yang dihasilkan mendapat reaksi positif daripada penonton. Walaupun filem tersebut mungkin berfungsi dengan baik dalam konteks kecil atau sesama rakan, namun apabila dipaparkan kepada audiens yang lebih luas, reaksi mereka mungkin berbeza.

"Kena pastikan hasil karya ni dapat sambutan baik lah. Kalau tayang kat kawan-kawan, mungkin ok, tapi bila keluar kat luar, reaksi orang lain-lain. Jadi, saya sebagai pelajar filem kena teliti dan pastikan mesej tu diterima baik, tak kira siapa yang tengok."

(Zakiuddin Shah, 20)

Oleh itu, pelajar perlu memastikan bahawa mesej dakwah yang disampaikan diterima dengan baik oleh masyarakat yang lebih pelbagai latar belakangnya. Selain itu, pengaruh budaya luar dan globalisasi juga menjadi cabaran yang semakin besar, kerana generasi muda kini lebih terdedah kepada budaya pop yang seringkali bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Dalam dunia yang semakin terhubung ini, mereka perlu mencari cara untuk memastikan bahawa mesej dakwah dapat disampaikan dengan cara yang relevan, tanpa kehilangan kaitan dengan nilai-nilai agama yang ingin diterapkan.

Dunia global hari ini menjadikan nilai-nilai luar sering mendominasi, adalah penting untuk kita memanfaatkan setiap peluang yang ada untuk mengimbangi pengaruh tersebut dengan menyebarkan nilai-nilai murni Islam yang berlandaskan kasih sayang, keadilan, dan kemanusiaan. Kajian ini bukan sahaja berperanan untuk mengisi jurang dalam pengetahuan akademik mengenai dakwah melalui filem pendek, tetapi juga sebagai panduan untuk penggiat seni dalam menghasilkan karya yang boleh memberi impak positif terhadap pembangunan karakter insan dalam masyarakat moden.

Perbincangan

Fenomena **filem pendek komersial Thailand** telah menunjukkan betapa kuatnya pengaruhnya dalam membentuk minda dan jiwa penonton, terutamanya dalam konteks dakwah kontemporari. Kajian ini menyoroti **potensi filem pendek** sebagai **medium dakwah** yang berkesan dalam **membentuk perwatakan manusia**, dengan penekanan khusus pada **pelajar Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA**, yang terlibat secara langsung dalam penghasilan filem-filem pendek. Kajian ini membuktikan bahawa **filem pendek** boleh menjadi alat dakwah yang sangat berkesan, terutamanya dalam **membentuk karakter manusia**

Filem pendek Thailand, seperti *Unsung Hero*, mengajak penonton untuk merenung semula makna **kebaikan tanpa mengharap balasan**, sementara *Homeless* menekankan pentingnya **empati** dan untuk tidak menilai seseorang berdasarkan status luaran mereka. Nilai-nilai ini sangat relevan dengan **nilai moral Islam**, yang menekankan kasih sayang antara sesama manusia tanpa mengira kedudukan sosial, sesuatu yang sangat mendalam dalam ajaran dakwah Islam.

Para pelajar di ASWARA, yang terlatih dalam bidang **penulisan kreatif** dan **produksi filem pendek**, mengakui bahawa mereka dapat **menyampaikan mesej dakwah** melalui **cerita-cerita yang menarik** dan **karakter yang mudah diterima**. Seorang pelajar mengungkapkan,

“Kami cuba untuk menanamkan nilai seperti kasih sayang dan pengorbanan dalam setiap filem yang kami buat. Ini membantu penonton melihat kehidupan dari perspektif yang lebih positif dan menghargai nilai kemanusiaan.” (Afiq Hakim, 21)

Melalui pendekatan ini, **filem pendek** bukan sahaja dapat menghiburkan, tetapi juga memberi pengajaran moral yang dapat membentuk **perwatakan manusia** dengan lebih mendalam. Pelajar ASWARA memahami bahawa melalui **penceritaan yang kuat** dan **elemen naratif yang kreatif**, mesej dakwah dapat disampaikan dengan cara yang lebih berkesan tanpa menjejaskan daya tarik hiburan.

Namun, cabaran terbesar dalam menghasilkan filem pendek yang menggabungkan dakwah dengan hiburan adalah **menyeimbangkan kedua-duanya** tanpa menjadikan satu elemen terlalu dominan. Seperti yang dinyatakan oleh seorang pengarah filem pendek pelajar ASWARA,

“Cabaran utama adalah memastikan mesej dakwah tidak terlalu mendominasi atau terasa seperti paksaan. Kami ingin penonton menikmati filem, tetapi pada masa yang sama memahami nilai yang kami cuba sampaikan.”

(Afiq Hakim, 21)

Inilah yang membuatkan filem pendek sebagai medium dakwah sangat menarik dengan pendekatan yang **lebih kreatif** dalam memastikan mesej dakwah tetap diterima dengan baik oleh penonton, terutama dalam kalangan generasi muda yang lebih cenderung kepada hiburan.. Menerusi filem-filem seperti *Unsung Hero*, *Life Is Beautiful*, dan *Forget Me Not*, dakwah disampaikan bukan melalui **ceramah formal**, tetapi melalui **penceritaan yang mengalir dengan semula jadi**, memberikan pengajaran moral yang menyentuh hati tanpa terasa seperti didaktik. Ini menunjukkan bahawa **filem pendek komersial Thai** ini dipilih kerana dapat menjadi alternatif yang santai dan sangat berkesan dalam menyampaikan nilai-nilai dakwah

kepada **generasi muda**, yang lebih terbuka kepada **media visual** dan lebih mudah menerima mesej yang disampaikan dengan cara yang kreatif dan tidak memaksa.

Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bahawa dengan **peralihan media yang semakin digital**, **filem pendek** berpotensi untuk mencapai audiens yang lebih besar, terutama melalui **platform digital** seperti **YouTube Shorts** dan **TikTok**, yang semakin popular di kalangan generasi muda. Ini membuka peluang besar untuk **memperluas pengaruh dakwah** melalui saluran yang lebih **terkini** dan **dinamik**.

Kesimpulan

Secara keseluruhan, kajian ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan, iaitu menganalisis **potensi filem pendek sebagai medium dakwah** dalam **membentuk karakter insan dengan landasan teori peniruan Bandura**, khususnya di kalangan pelajar **Fakulti Penulisan Kreatif dan Filem ASWARA**. Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa filem pendek bukan hanya berfungsi sebagai hiburan, tetapi juga sebagai saluran yang efektif untuk menyampaikan nilai-nilai Islam dan membina **perwatakan positif mereka** yang berlandaskan prinsip Akhlak terpuji Al-Ghazali yang sangat penting dalam dakwah kontemporari.

Di samping itu, kajian ini turut menyelidik **cabaran yang dihadapi oleh pelajar ASWARA** dalam **mengimbangi mesej dakwah dengan elemen hiburan** dalam karya mereka. Walaupun mencabar, mereka melihat hal ini sebagai peluang untuk lebih **kreatif** mencipta karya yang menggabungkan hiburan dan dakwah secara seimbang. Kajian ini turut menggariskan penggunaan **platform digital** seperti TikTok dan YouTube Shorts, bukan sahaja dapat memperluas jangkauan dakwah, tetapi juga memberi peluang kepada **penggiat seni** untuk terus berinovasi dalam menyampaikan mesej yang relevan dan efektif kepada masyarakat.

Rujukan

- Al-Ghazali, Imam. (2018). *Ihya' Ulum al-Din*. Cairo: Dar Al-Turath Al-Islami.
- Al-Quran, Surah Al-Baqarah, ayat 286.
- Al-Quran, Surah An-Nahl, ayat 125.
- Abdullah, M. (2022). Animation as an effective tool in Islamic education. *Journal of Educational Media*, 19(3), 101-115.
- Al-Qudah, M. (2021). Challenges of using film as a medium for Islamic da'wah in contemporary society. *Journal of Islamic Media Studies*, 14(2), 37-50.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE Publications.
- Hadis Riwayat Ahmad.
- Hadis Riwayat Bukhari.
- Hadis Riwayat Tirmidzi.
- Kamil, M., & Ahmad, Z. (2019). The role of film in Islamic da'wah: Bridging entertainment and religious message. *International Journal of Media and Religion*, 22(3), 115-130.
- Kamarudin, S., & Ismail, N. (2021). The role of animation in Islamic media and da'wah. *Journal of Media and Islamic Studies*, 12(2), 45-61.
- Neuendorf, K. A. (2017). *The content analysis guidebook* (2nd ed.). SAGE Publications.
- Patton, M. Q. (2015). *Qualitative research & evaluation methods: Integrating theory and practice* (4th ed.). SAGE Publications.
- Rahman, S. (2020). Youth and media consumption in the digital age: The role of animation. *International Journal of Media Studies*, 15(4), 112-129.

- Rahman, S. (2021). The role of media in modern da'wah: An exploration through film and animation. *International Journal of Islamic Media Studies*, 22(3), 78-92.
- Rejeki, A., et al. (2024). Benefits of da'wah content on TikTok for Generation Z. *Proceeding Conference on Da'wah and Communication Studies*, 2(1), 17-24. Retrieved from <https://jurnal.anfa.co.id>
- Siti, N., & Hamid, R. (2020). Values in contemporary Thai advertisements and films: A study on moral lessons. *Journal of Social Studies*, 14(2), 45-59.
- Sulaiman, A. (2020). The balance between artistic creativity and religious values in Islamic films. *Journal of Islamic Arts*, 18(4), 92-104.
- Miller, T., & Stam, R. (2021). *Film and Theory: An Anthology*. Blackwell Publishing.
- Vidico. (2024). Short-form video statistics: The rise of TikTok, YouTube Shorts, and Instagram Reels. Vidico. Retrieved from <https://vidico.com>
- eMarketer. (2024). Three insights on Gen Z social media usage and how marketers can capitalize. eMarketer. Retrieved from <https://www.emarketer.com>
- Nuvoodoo. (2025). Short-form video explodes in popularity: Gen Z's preference for TikTok and YouTube Shorts. Nuvoodoo. Retrieved from <https://nuvoodoo.com>

Link Filem Pendek Rujukan

- Life is Beautiful. (n.d.).** *Life is beautiful* [Video]. YouTube. Retrieved June 15, 2025, from <https://www.youtube.com/watch?v=eTLeg2Rfjho>
- Life is Beautiful. (n.d.).** *Life is beautiful* [Video]. YouTube. Retrieved June 15, 2025, from <https://www.youtube.com/watch?v=eTLeg2Rfjho>
- Unsung Hero. (n.d.).** *Unsung hero* [Video]. YouTube. Retrieved June 15, 2025, from <https://www.youtube.com/watch?v=uaWA2GbcnJU>
- Ice Pineapple. (n.d.).** *Ice pineapple* [Video]. YouTube. Retrieved June 15, 2025, from <https://www.youtube.com/watch?v=fwicURDoDI8>
- Homeless. (n.d.).** *Homeless* [Video]. YouTube. Retrieved June 15, 2025, from <https://www.youtube.com/watch?v=l-EM1QKYyhY>
- Forget Me Not. (n.d.).** *Forget me not* [Video]. YouTube. Retrieved June 15, 2025, from <https://www.youtube.com/watch?v=BqXYpZM57-4>
- You Can Shine. (n.d.).** *You can shine* [Video]. YouTube. Retrieved June 15, 2025, from <https://www.youtube.com/watch?v=WUDrxIfIOVQ>